

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk memberi vaksin kepada golongan tanpa dokumen dan mereka yang tanpa negara atau 'stateless' supaya rakyat Sabah dapat mencapai imuniti kelompok dan berapa jumlah vaksin yang akan diperuntukkan kepada Sabah bagi golongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak CITF telah mengeluarkan Garis Panduan Vaksinasi terhadap Bukan Warganegara di Pusat Pemberi Vaksin (PPV). Melalui ini, semua penduduk bukan warganegara termasuk golongan tanpa dokumen dan tanpa negara (*stateless*) yang hadir ke PPV boleh mendapatkan vaksinasi selaras dengan objektif Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Statistik di kawasan kawalan wabak mendapati sekiranya golongan ini tidak diberikan vaksinasi, penularan wabak sukar dibendung. Pelaksanaan vaksinasi bagi PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara di kawasan pinggir bandar dan pedalaman pula adalah melalui kaedah jangkauan luar atau *outreach* terutamanya di Sabah.

Sehingga pada 29 September 2021, pelaksanaan vaksinasi di Sabah mencapai sebanyak 71.7% populasi dewasa menerima sekurang-

NO. SOALAN : 49

kurangnya 1 dos vaksin manakala 59.9% populasi dewasa telah lengkap dos vaksin.

Dari segi agihan bekalan vaksin bulan Ogos, Sabah telah dibekalkan vaksin sebanyak 1.80 juta dos vaksin. Untuk agihan bekalan vaksin bagi bulan September pula, negeri Sabah masih adalah keutamaan dimana anggaran jumlah agihan vaksin bagi bulan September adalah sebanyak 2.84 juta dos termasuk 119,000 dos vaksin jenis Cansino.

Penggunaan vaksin jenis satu dos ini akan mempercepatkan proses vaksinasi bagi PATI, pelarian UNHCR dan golongan tanpa negara di kawasan pinggir bandar dan pedalaman. Melalui agihan jumlah bekalan vaksin ini, Sabah dijangka mencapai 60% populasi dewasa lengkap divaksin pada 30 September 2021.

Sekian, terima kasih.